

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 21.10.2015**

**SOALAN :**

**Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah bentuk pembaharuan dan pengubahsuaian yang Kementerian bercadang untuk menggalakkan keharmonian dan persefahaman antara kaum dan agama melalui pendidikan di sekolah memandangkan terdapat banyak insiden yang mencetuskan ketegangan kaum serta kelakuan ekstremis sesetengah pihak yang mampu menggugat keamanan negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Salah satu daripada ciri tersebut ialah murid yang beridentiti nasional. Ciri ini selaras dengan prinsip Rukun negara yang amat diperlukan untuk kejayaan masa hadapan negara. Setiap murid yang mengikuti sistem pendidikan negara akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi. Semangat patriotik yang dipupuk dalam diri setiap murid adalah dengan cara memahami sejarah negara dan berkongsi aspirasi yang sama untuk masa depan negara.

KPM akan terus melaksanakan pendekatan menyemai semangat kukuh cintakan tanah air dalam kalangan murid bukan sahaja melalui pendekatan untuk belajar memahami, malahan menerima serta menghayati hakikat kepelbagaian yang wujud dalam kalangan murid dan masyarakat.

Justeru, KPM melalui Anjakan 3: Melahirkan Rakyat Malaysia Dengan Penghayatan Nilai di bawah PPPM telah menetapkan beberapa strategi pelaksanaan bagi mencapai matlamat perpaduan seperti berikut:

1. Memperkukuh Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dengan memberi lebih focus kepada pemahaman tentang nilai-nilai perpaduan dan hubungan baik sesama insan. menjelang 2017;
2. Memperkembangkan murid secara holistik dengan mengukuhkan keperluan penyertaan murid dalam 1 Sukan, 1 Kelab dan 1 Badan Beruniform;
3. Mengukuhkan dan memperluas Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) bagi memudah cara interaksi antara jenis sekolah, kumpulan etnik dan sosio ekonomi.
4. Mewujudkan Asrama 1Malaysia bagi melatih dan mendidik murid supaya tinggal bersama-sama secara harmoni, memahami budaya dan serasi antara satu sama lain bagi merealisasikan Gagasan 1Malaysia.

KPM juga sentiasa memastikan usaha-usaha dalam memupuk perpaduan dalam kalangan semua atlet murid dilakukan secara berterusan bukan sahaja menerusi mata pelajaran bidang akademik tetapi juga menerusi program dan aktiviti sukan. Perpaduan dan Integrasi Nasional juga telah menjadi salah satu daripada objektif Dasar 1Murid 1Sukan. Justeru, aktiviti seperti Klinik Sukan Sekolah, Program

Pemimpin Muda Sukan dan Kejohanan Sukan Muhibah telah menjadi landasan bagi murid-murid bergaul di antara satu sama lain tanpa mengira bangsa, kaum dan agama. Semangat setia kawan dan bekerja secara berpasukan sentiasa diterapkan melalui aktiviti dan sukan yang diceburi.

**RJM05**